

## **INTERFERENSI BAHASA MELAYU DAN BAHASA INGGERIS DALAM PEMBINAAN AYAT BAHASA JERMAN**

Robe'ah Yusuf

Pusat Bahasa dan Pengajian Umum  
Universiti Pendidikan Sultan Idris

Nurul Ain Alizuddin

Pusat Bahasa dan Pengajian Umum  
Universiti Pendidikan Sultan Idris

Jamal Rizal Razali

Pusat Sains Kemanusiaan  
Universiti Malaysia Pahang

Emel : robe\_ah@pbmpu.upsi.edu.my

### **ABSTRAK**

Kertas ini membincangkan mengenai fenomena pengaruh antara bahasa yang dikesan dalam struktur bahasa lain. Secara lebih khusus, kajian ini berkenaan analisis pembinaan ayat bahasa Jerman (BJ) dalam kalangan pelajar-pelajar berbangsa Melayu yang mengikuti kursus BJ Komunikasi II (BGK3022) di Pusat Bahasa dan Pengajian Umum, Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI). Objektif bagi kajian ini adalah untuk mengenal pasti gangguan yang berlaku semasa membina ayat yang mengandungi kata kerja dalam BJ. Selian itu, kajian ini juga turut mengenal pasti kategori gangguan yang wujud dalam susunan ayat-ayat BJ tersebut dan seterusnya menentukan struktur sintaksis yang dihasilkan itu sama ada dipengaruhi oleh bahasa pertama (B1) atau bahasa kedua (B2). Peserta kajian terdiri daripada 20 orang pelajar BGK 3022 dari pelbagai fakulti di Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI). Terdapat dua bahagian kertas latihan bertulis yang dianalisis secara kualitatif dan dapatan kajian dipersembahkan dalam bentuk jadual. Analisis merujuk kepada jenis interferensi dalam B1 dan B2 yang diperkenalkan oleh Beardsmore (1982). Dapatan menunjukkan adanya pengaruh bahasa Melayu (B1) dan bahasa Inggeris (B2) dalam pembentukan ayat-ayat BJ. Namun demikian, B2 didapati lebih cenderung mempengaruhi penulisan ayat BJ disebabkan kedua-dua bahasa tergolong dalam kumpulan bahasa Germanik.

Kata kunci: *sintaksis, gangguan, bahasa ibunda, bahasa kedua, Germanik*

## **Pengenalan**

Kajian ini mengkaji proses pembinaan ayat dan melibatkan perbincangan tentang bentuk, struktur dan binaan ayat serta hukum atau rumus tatabahasa mengenai cara-cara penggabungan ayat. Dalam bidang bahasa kajian pembinaan ayat merupakan bidang sintaksis yang bermaksud susunan, struktur dan binaan kalimah ayat yang menjadi sebahagian utama dalam tatabahasa yang grammatis (Volmert, 1999). Menurut Kaiser, Peyer dan Berthele (2014), sintaksis berkaitan dengan kalimah binaan ayat yang terdiri dari objek, subjek dan predikat (SVO). Sintaksis memfokus kepada kajian ilmu bahasa yang mengkaji bentuk, struktur, dan binaan atau konstruksi ayat, iaitu perkataan digabungkan untuk membentuk ayat (Keiser et.al, 2014).

Manakala bagi pengkaji bidang bahasa Melayu (B1), sintaksis dirujuk sebagai suatu bidang yang mengkaji sistem peraturan dengan membuat pengkelasan setiap kategori dalam asas pembentukan ayat bagi sesuatu bahasa (Maslida, 2006). Sintaksis bukan sahaja mengkaji proses pembinaan ayat tetapi juga hukum-hukum yang menentukan bagaimana perkataan disusun dalam ayat (Norsimah, Nadzrah & Nor Hashimah, 2012). Manakala menurut Nik Safiah, Farid, Hashim, dan Abdul Hamid (2010), sintaksis dapat ditakrifkan sebagai bidang ilmu bahasa yang mengkaji bentuk, struktur, dan binaan atau konstruksi ayat.

Ternyata, pengkaji bidang B1 merujuk sintaksis sebagai kajian tentang hukum atau rumus tatabahasa yang mendasari kaedah penggabungan dan penyusunan perkataan atau kelompok perkataan untuk membentuk ayat dalam sesuatu bahasa (Nik Safiah et. al, 2010). Selain itu, kajian sintaksis dikatakan turut melibatkan aspek perbezaan binaan ayat melalui jenis jenis ayat dan ragam ayat (Abdullah Hassan, 2008). Dapatlah disimpulkan bahawa sintaksis merujuk kepada bidang linguistik yang mengkaji binaan ayat tentang bagaimana kalimah atau kata-kata disusun menjadi frasa, dan seterusnya frasa disusun menjadi ayat.

## **Tujuan Kajian**

Kajian ini dilaksanakan untuk melihat pengaruh bahasa pertama, iaitu bahasa Melayu (B1) atau bahasa kedua bahasa Inggeris (B2) yang muncul sewaktu pelajar mempelajari bahasa Jerman (BJ). Menurut Haslina (2016), penulisan BJ terganggu berpunca daripada ketidakpekaan pelajar (B1, B2 dan BJ) namun tidak membuat kategori gangguan sintaksis dalam kajiannya. Ramai pelajar yang keliru dengan tatabahasa Jerman sehingga memilih pelbagai gaya belajar dalam mempelajari BJ (Rowinah, 2012; Raja Rosila 2014). Kajian ini dijalankan kerana masih kurang kajian sarjana tempatan yang mengkaji bidang sintaksis dalam BJ yang mengkhusus kepada aspek asas binaan ayat (kata tanya (Ya/Tidak) dan *WH-questions*), susunan SVO dan konjugasi kata kerja bagi mengenalpasti gangguan dalam pembinaan ayat BJ. Kajian ini penting dilaksanakan untuk mengenal pasti tanda aras pengetahuan asas sintaksis pelajar BJ di UPSI.

## **Objektif**

Objektif kajian ini adalah untuk :

1. Mengetahui jenis gangguan dalam susunan ayat yang dihasilkan oleh pelajar-pelajar BJ Komunikasi II di UPSI
2. Mengetahui kategori gangguan sintaksis yang terdapat dalam susunan ayat yang mengandungi kata kerja dihasilkan oleh pelajar-pelajar BJ Komunikasi II di UPSI
3. Mengetahui bahasa yang paling mempengaruhi pelajar ketika mempelajari BJ sama ada B1 atau B2 dalam struktur ayat yang dibina oleh para pelajar BJ Komunikasi di UPSI

## **Persoalan Kajian**

Kajian ini adalah untuk menjawab persoalan kajian berikut:

1. Apakah jenis gangguan dalam susunan ayat yang dihasilkan oleh pelajar-pelajar BJ Komunikasi II di UPSI?
2. Apakah jenis gangguan sintaksis yang terdapat susunan ayat yang mengandungi kata kerja dihasilkan oleh pelajar-pelajar BJ Komunikasi II di UPSI?
3. Apakah bahasa yang paling mempengaruhi pelajar ketika mempelajari BJ sama ada B1 atau B2?

## **Metodologi**

Menerusi metodologi kualitatif, pengkaji akan mengumpul dan menganalisis data-data daripada kertas latihan bertulis. Kerangka analisis dalam kajian ini merujuk kepada jenis interferensi dalam B1 dan B2 oleh Beardsmore (1982). Berdasarkan kajian beliau, pembelajaran bahasa adalah kumulatif yang mana B1 tidak memainkan peranan istimewa iaitu tidak banyak mempengaruhi dalam pemerolehan atau pembelajaran bahasa-bahasa seterusnya. Manakala B2 cenderung mempengaruhi bahasa yang baru dipelajari kerana kemiripan dari aspek tertentu (Beardsmore, 1982).

## **Peserta Kajian**

Terdiri daripada 20 orang pelajar Melayu yang mewakili semua populasi pelajar bahasa Jerman Komunikasi II (T2) pada bulan Februari hingga Julai 2020. Peserta kajian adalah pelajar-pelajar yang belajar bahasa Jerman di T2 sahaja kerana pelajar-pelajar pada tahap tersebut telah menguasai lebih banyak kosa kata berbanding pelajar-pelajar Komunikasi I (T1). Pelajar-pelajar ini terpilih sebagai peserta kajian kerana bahasa ibunda mereka adalah B1.

## **Instrumen Kajian**

Instrumen kajian ialah soalan Latihan Bertulis berdasarkan skema pemarkahan menurut "Kriteria Pemarkahan Bahasa Jerman" yang diguna pakai oleh UPSI.

## **Kaedah Penilaian**

Kaedah penilaian adalah menerusi soalan-soalan aspek asas sintaksis iaitu *Fragesätze* (ayat/soalan interogasi), *Sätze bilden* (membina ayat) dan *Antworten* (jawapan) yang terbahagi kepada dua bahagian;

- (i) Bahagian Satu (*Teil 1*): soalan ayat tanya (*interrogative sentence*) iaitu:
  - (a) membina soalan yang bermula dengan kata-kata pertanyaan (*Wh-questions*) (seperti; bagaimana, apa, siapa dan di mana)
  - (b) membina soalan yang bermula dengan kata kerja untuk jawapan ya/tidak (*verbquestions* atau *yes/no questions*)
  
- (ii) Bahagian Dua (*Teil 2*): menyusun perkataan-perkataan, membina dan mengkonjugasi kata kerja berdasarkan kata kerja yang diberi iaitu:
  - (a) menyusun sepuluh ayat (SVO) dengan perkataan yang disenaraikan dalam soalan
  - (b) membina sepuluh ayat yang grammatik berdasarkan kata kerja yang diberi
  - (c) menjawab sepuluh soalan tentang diri (gangguan dicatat dianalisis daripada latihan dan hampir 400 ayat yang telah dihasilkan oleh peserta kajian)

## **Kajian Lepas**

Pengkaji-pengkaji bahasa dalam dan luar negara giat menjalankan kajian untuk membantu pelajar mempelajari bahasa kedua atau bahasa asing. Kajian ini dilakukan sejak awal tahun 80-an sehingga kini dalam pelbagai bahasa. Kajian kesalahan bahasa sering dikaitkan dengan gangguan bahasa ibunda atau *mother tongue interference*. Lekova (2010) telah menjalankan kajian tentang gangguan bahasa dalam pembelajaran bahasa asing. Kajian ini dilaksanakan ke atas pelajar Bulgaria yang mempelajari bahasa Perancis sebagai B2 untuk melihat gangguan bahasa ibunda dan hubungannya dengan bilingualism. Beliau membincangkan dua jenis gangguan bahasa, iaitu *interlanguage* dan *intralanguage*. Pendekatan yang digunakan ialah analisis *contrastive* (CA) dan analisis kesilapan.

Hazlina (2011) telah menjalankan kajian strategi komunikasi tulisan dalam pembelajaran bahasa Perancis. Kajian tersebut dalam bentuk deskriptif dengan menggunakan pendekatan kuantitatif dan

kualitatif yang mendapati strategi komunikasi banyak digunakan dalam aktiviti penulisan pelajar yang mengandungi 846 elemen strategi komunikasi daripada 505 ayat yang dibina. Hasil kajian beliau mendapati strategi yang paling dominan adalah terjemahan literal, penukaran kod dan penghuraian. Daripada penelitian yang dilakukan ke atas penggunaan strategi komunikasi oleh pelajar. Kajian ini mendapati pengaruh bahasa Melayu memainkan impak yang besar dalam strategi yang digunakan. Pengaruh tersebut dapat dikesan pada strategi komunikasi pada peringkat penggunaan artikel, kata nama, kata sifat dan preposisi.

Haslina Daud (2016) menjalankan kajian terhadap pembinaan ayat bahasa Jerman dalam kalangan pelajar Melayu di UITM Shah Alam. Kajian ini adalah untuk mengenal pasti corak susunan ayat-ayat bahasa Jerman (BJ) oleh peserta Melayu dan mengenal pasti struktur ayat yang menimbulkan masalah kepada reponden. Pengkaji menggunakan metodologi kualitatif dengan menyenaraikan set soalan yang digunakan untuk menguji kebolehan peserta dalam BJ. Hasil kajian mendapati L1 (bahasa Melayu) kurang mempengaruhi binaan ayat BJ berbanding L2 (bahasa Inggeris). Hal ini adalah kerana BJ berada dalam kumpulan bahasa Germanik, sama seperti bahasa Inggeris. Oleh itu, bahasa ibunda kurang mempengaruhi binaan ayat BJ.

Wan Lin Tsai (2015) juga menjalankan kajian yang hampir sama. Beliau dalam *English Interferences in German Sentences* menjalankan kajian tentang penuntut universiti di Taiwan yang mempelajari bahasa Jerman (BJ). Pengkaji mendapati bahawa bahasa Cina (BC) dan bahasa Inggeris (BI) mengganggu dalam pembinaan ayat BJ. Ini bermakna, BI dan BC menyebabkan penuntut cenderung membuat kesilapan dalam pembentukan ayat. Kajian ini menggunakan kaedah kualitatif dengan pembentukan hipotesis kajian yang dinamakan sebagai *Contrastive Analysis Hypothesis* (CAH). Hasil kajian mendapati bahawa dua elemen penting dalam kajian, ialah gangguan BI dan BC dan membahagikan jenis kesilapan dalam ayat kepada lima jenis, iaitu susunan ayat, artikel gender, kala masa, kata ganti nama, kata kerja, kata adjektif dan kata sandang.

Tan & Nicole Ogasa (2015) dalam kajiannya yang bertajuk *Mandarin Chinese and English Transfer during German Language Acquisition Examples of Structural Properties Transfer* menjalankan kajian terhadap penutur bahasa Mandarin dalam kalangan penuntut di universiti di Malaysia. Pengkaji melihat bagaimana peserta kajian melakukan penukaran bahasa Mandarin

kepada bahasa Inggeris dan seterusnya membina ayat bahasa Jerman (BJ). Kajian ini menggunakan kaedah kualitatif dengan pendekatan kajian kes terhadap 17 penuntut BJ yang berbangsa Cina dan mempunyai pengetahuan bahasa Mandarin. Dapatan data menjurus kepada kata nama yang mengandungi kata sandang spesifik seperti *the* dan *a* dalam bahasa Inggeris. Data yang dikumpul mendapati peserta kajian keliru kerana BJ perlu dijelaskan beserta gender.

Kajian Anne Baker (2017) *Error Analysis and Language Comparison as Teaching Strategies for German as a Foreign Language in a South African Context*. Kajian tentang pelajar sekolah di Afrika Selatan yang mempelajari bahasa Jerman (BJ) sebagai bahasa sasaran. Fokus kajian terhadap binaan ayat pelajar sekolah dan yang mempelajari BJ. Kajian ini membuat analisis kandungan terhadap ayat-ayat dalam penulisan pelajar dan hasilnya digambarkan dalam bentuk peratusan.

Robe'ah Yusuf, Khairul Bahri Abdul Samad, Norjietta@Julita Taisin & Zarima Mohd Zakaria (2019) dalam kajiannya yang bertajuk *Instrument Construction for Analyzing Errors of German Language Writing by The Students of Universiti Pendidikan Sultan Idris* membuat perbincangan tentang bagaimana intrumen kajian untuk kajian sintaksis di UPSI. Kajian ini menerangkan kaedah dan jenis soalan yang dibina dan proses untuk dihantar kepada pakar untuk kesahan. Jenis soalan yang dihasilkan melibatkan pembinaan ayat bahasa Jerman seperti kata tanya, menyusun ayat dan membina ayat berdasarkan perkataan yang diberi.

Kesimpulannya, kajian gangguan bahasa dan hubungannya dengan kajian kesalahan bahasa telah banyak dijalankan dalam pelbagai bahasa utama di dunia seperti bahasa Inggeris, Sepanyol, Perancis, Jerman dan sebagainya. Kajian seperti ini penting kerana ia dapat membantu pengajar mengenal pasti masalah yang dihadapi oleh pelajar dan memperbaiki kelemahan kurikulum serta kaedah pengajaran bahasa kedua atau bahasa ketiga.

## Dapatan Kajian

Dapatan awal **menjelaskan objektif pertama** dalam binaan ayat yang dikenali sebagai gangguan sintaksis. Istilah gangguan sintaksis diguna pakai oleh Volmert (1999) yang merujuk kepada

kecelaruan menyusun ayat secara gramatis. Pengkaji melihat perkara ini wujud disebabkan oleh peserta kajian meniru atau mengambil skema B1 atau B2 sebagai *interferensi (antara-inter bahasa)*. Gangguan bahasa dari aspek tatabahasa dalam kalangan pelajar Melayu dianggap kesilapan khususnya dalam kata kerja *regular* dan *iiregular* termasuklah kecuai dalam tatabahasa (Robe'ah, 2010; Raja Rosila 2014).

Lazimnya pola ayat bahasa Melayu terdiri daripada Subjek + Predikat atau Pelaku/Kata Nama + Perbuatan/Kata Kerja+ (Objek) + (Adverba) (Farhana & Normaliza, 2013). Bentuk (gaya struktur) yang berbeza jika dibanding bahasa Melayu (B1) dengan bahasa lain dan mengelirukan makna (Norsimah et. al, 2012).

**Objektif kedua** dicapai apabila pengkaji dapat mengkategorikan lima gangguan dalam binaan ayat seperti berikut:

**Jadual 1: Kategori Gangguan Sintaksis**

| Bil. | Objektif 2:<br>Kategori Gangguan Sintaksis | Contoh Ayat dalam BJ   | Maksud dalam BI/<br>Pengaruh Bahasa B1/B2  |
|------|--|--|--|
| 1.   | Penempatan Kata Kerja                      | <i>Normalerweise ich wache um 05.00 Uhr.</i><br>(tempat kedua dalam BJ sepatutnya adalah kata kerja)<br><br><i>In die Uni ich studiere Mathematik.</i><br>(tempat kedua dalam BJ sepatutnya adalah kata kerja) | Biasanya saya terjaga pada pukul 5.00 pagi. <b>(pengaruh B1)</b><br><br>Di universiti saya belajar Matematik. <b>(pengaruh B2)</b> |
| 2.   | Kata Kerja Bantu                           | <i>Mein Name (ist) Aina und mein Vater (ist) Ahmad.</i><br><br>(tempat kedua dalam BJ sepatutnya adalah kata bantu "sein" dalam B2 "to be")  | Nama saya Aina dan nama bapa saya Ahmad.<br><br><b>(pengaruh B1)</b>   |
| 3.   | Kasus (Kes)                                | <i>Ich habe ein(en) Bruder.</i><br><br>(tempat ketiga ialah <i>akkusativ</i> -BJ mempunyai 4 kes dan B2 tidak menerangkan kata sandang bersama kes (a, the).   | Saya ada seorang abang.<br><br><b>(pengaruh B1)</b>  |



|    |                      |  |  |
|----|----------------------|--|--|
| 4. | Konjugasi Kata Kerja | <p><i>Ich kommen (komme) aus Deutschland.</i></p> <p>(tempat kedua dalam BJ sepatutnya adalah kata kerja dan mesti dikonjugasikan. Dalam ayat ini tiada konjugasi kata kerja)</p> <p>- ia salah dari struktur ayat BJ namun betul bagi struktur ayat B1 dan B2.</p>  | <p>Saya datang dari Jerman.<br/><b>(pengaruh B1 dan B2)</b></p>                                |
| 5. | Artikel Gender       | <p><i>Mein Vater (ist) Abdullah und mein (e) mutter ist Siti Hajar.</i></p> <p>(tempat kedua dalam BJ adalah kata kerja dan mesti dikonjugasikan)</p> <p>- kata nama dalam BJ selalunya disertai gender sama ada maskulin, feminin atau neutral)</p> <p>- kata nama am dan khas dalam BJ mesti ditulis dengan huruf besar contoh di atas ; <i>Meine Mutter</i></p> | <p>Bapa saya ialah Abdullah dan ibu saya ialah Siti Hajar.<br/><b>(pengaruh B1 dan B2)</b></p> |

## Perbincangan

Penemuan menarik kajian adalah wujudnya *interferensi sintaksis* seperti berikut;

- (1) Gangguan sintaksis yang disebabkan adanya *interferensi antara bahasa* yang terjadi kerana adanya pengaruh B1 dalam struktur ayat BJ (penempatan kata, dan penghilangan kata kerja bantu).

- (2) Gangguan yang disebabkan adanya *interferensi intra bahasa* yang terjadi kerana kurangnya pemahaman kaedah BJ (kesalahan kasus/kes kerap ditemui (*nominativ, akkusativ, dativ*) dan kesalahan konjugasi kata kerja).

Contohnya penggunaan kata kerja dalam ayat BJ perlu tepat dan mesti berada di tempat kedua seperti dimulakan subjek, keterangan, atau frasa preposisi (kepunyaan). Sekiranya melanggar peraturan asas bagi BJ ini, maka ayat yang dibina tidak gramatis (tepat dari aspek tatabahasa). Contoh ayat tidak gramatis yang turut didapati dalam kajian ini adalah seperti berikut:

**Jadual 2: Pengaruh Bahasa Pertama Terhadap Binaan Ayat Bahasa Jerman**

| Bil | Ayat Peserta Kajian   | Maksud (BM)                                    | Penerangan Tatabahasa (BJ)  |
|-----|---|--|---|
| 1.  | <i>Meine Schwester Alea.</i><br><i>Meine Schwester <u>ist</u> Alea.</i><br>(ayat yang tepat)                                      | Kakak saya Alea.                               | Tiada kata kerja "ist" di tempat kedua  |
| 2.  | <i>Meine Hobbys lesen und Internet surfen.</i><br><i>Meine Hobbys <u>sind</u> lesen und Internet surfen.</i><br>(ayat yang tepat) | Hobi saya ialah membaca dan melayari Internet. | Tiada kata kerja (jamak) "sind" di tempat kedua   |
| 3.  | <i>Ich kein Deutsch sprechen.</i><br><i>Ich <u>spreche</u> kein Deutsch.</i><br>(ayat yang tepat)                                 | Saya tidak boleh bercakap Jerman.              | kata kerja berada pada tempat akhir, sepatutnya di tempat kedua.<br><br>Kata kerja di tempat kedua perlu konjugasi bagi kata ganti nama (orang pertama) |

Pada ayat *Meine Schwester Alea* membawa maksud " Kakak saya Alea " sudah boleh difahami dalam B1 dan tepat dari segi tatabahasa Melayu. Berdasarkan huraian yang telah disebutkan sepatutnya struktur ayat tersebut tidak tepat dari segi tatabahasa Jerman. Sepatutnya ayat ini mesti ditulis seperti berikut:

*Meine Schwester ist Alea.*

Perkataan bergaris perlu ditulis dengan kata kerja yang telah dikonjugasikan. Jelasnya, perbezaan struktur sintaksis ini menyebabkan pengguna bahasa asing mengalami *interferensi* dari segi struktur serta mengabaikan asas tatabahasa Jerman. Asas tatabahasa Jerman meliputi aspek konjugasi yang tidak terdapat dalam bahasa Melayu (Robe'ah, 2010; Aida, 2012).

Bagi memahami struktur sintaksis BJ, perkara asas yang perlu difahami adalah kemampuan mendeskripsikan Bentuk Kala dalam sesuatu ayat.

Contoh:

| Bil. | Ayat Bahasa German                               | Ayat Bahasa Melayu                         | Kata Kerja            |
|------|--|--|-----------------------|
| 1    | <i>Ich <b>mache</b> die Übungen</i>              | saya <b>sedang</b> membuat latihan-latihan | ( <i>Präsens</i> )    |
| 2    | <i>Ich <b>machte</b> die Übungen</i>             | saya <b>telah</b> membuat latihan-latihan  | ( <i>Präteritum</i> ) |
| 3    | <i>Ich <b>will</b> die Übungen <b>machen</b></i> | saya <b>akan</b> membuat latihan-latihan   | ( <i>Futur</i> )      |

Daripada tiga contoh di atas, didapati bahawa Kata Kerja dalam BJ dapat menunjukkan perkara yang sedang berlaku (*Präsens*), telah berlaku (*Präteritum*), dan akan berlaku (*Futur*). Dalam bahasa Melayu, kata bantu aspek digunakan untuk membantu frasa kerja, frasa adjektif dan frasa sendi nama dengan menimbulkan makna tambahan dari segi aspek waktu. Kata bantu aspek menimbulkan suasana perbezaan masa, iaitu sama ada lampau, kini atau masa hadapan. Bentuk-

bentuk kata bantu aspek ialah *telah, baru, pernah, sedang, masih, akan* dan *belum* (Nik Safiah et. al, 2010).

Namun begitu bagi peserta kajian ini, mereka lebih banyak merujuk B2 sebagai model pembinaan ayat dalam ayat yang telah dibina. Hal ini menyebabkan binaan ayat menjadi tidak tepat dari aspek sintaksis BJ kerana mengabaikan ejaan yang betul bagi setiap Bentuk Kala Masa yang ditulis. Walaupun Bentuk Kala Masa terdapat dalam B2 namun tidak dapat diadaptasi dengan baik oleh para peserta kajian kerana Bentuk Kala Masa berubah dari aspek ejaan bagi sesuatu perkataan dan kedudukan dalam binaan ayat. Hal ini sejajar dengan prosedur analisis yang cadangkan oleh Beardsmore (1982) yang menyebut bahawa B2 lebih banyak mempengaruhi pelajar ketika pemerolehan/mempelajari bahasa ketiga (dalam hal ini adalah bahasa Jerman) berbanding B1 (bahasa Melayu) kerana persamaan tipologi yang wujud antara kedua-dua bahasa B2 dan BJ. Ini kerana BJ dan B2 tergolong dalam keluarga Germanik dan seterusnya **menjelaskan objektif ketiga** bagi kajian ini.

## **Kesimpulan**

Kesimpulannya, gangguan sintaksis yang berpunca daripada *interferensi* B1 dan B2 dan boleh dikategorikan kepada lima jenis (rujuk Jadual 1) yang bermakna B1 dan B2 memberi pengaruh terhadap pembinaan sintaksis oleh peserta kajian. B2 menyumbang pengaruh yang lebih besar kerana pertalian kekeluargaan bahasa B2 dan BJ. Rankin (2011) mengatakan bahawa B2 cenderung mempengaruhi pembelajaran B3 (merujuk kepada BJ) kerana pengaruh kosa kata yang agak mirip. Hal ini selaras dengan pandangan Beardsmore (1982) sebagaimana yang telah dibincangkan sebelum ini. Pengkaji mencadangkan bahawa gangguan sintaksis yang boleh digolongkan sebagai "jenis-jenis kesalahan". Perkara ini patut dikaji sebagai analisis kesilapan bagi kajian yang akan datang. Pengkaji juga mendapati dengan melakukan latihan berulang kali

boleh membantu kemahiran sintaksis dan menyarankan satu modul latihan tubi dihasilkan kepada pelajar BJ bagi masa yang akan datang.

### **Rujukan:**

- Abdullah Hassan. (2008). *Tatabahasa pedagogi untuk sekolah menengah*. Kuala Lumpur: PTS Profesional Publishing.
- Aida Husni Abdul Hamid. (2012). *Analisis penggunaan kata kerja bahasa Jerman dalam kalangan pelajar IPTA*. Kuala Lumpur: Universiti Malaya.
- Agus Syahid & Muhammad Zaki Pahrul Hadi. (2018). *Interferensi sintaksis bahasa Indonesia dalam karangan bahasa Jerman mahasiswa/i Stiba Bumigora Mataram Angkatan 2015*. *Journal of Languages and Language Teaching*,6(2). 68-76.
- Beardsmore, H. B. (1982). *Bilingualism*. Tieto: Avon.
- Farhana Muslim M.Jalis & Normaliza Abd Rahim, (2014). *Contrastive analysis of German and Malay modal verbs*. *Asian Social Science*,10(6), 81-89.
- Flynn, S., Foley, C., & Vinnitskaya, I. (2004). *The cumulative-enhancement model for language acquisition: Comparing adults' and children's patterns of development in first, second and third language acquisition of relative clauses*. *International Journal of Multilingualism*,1(1), 3-16.
- Haslina Daud. (2016). *Pembinaan ayat bahasa Jerman dalam kalangan pelajar-pelajar Melayu di UITM Shah Alam*(Tesis Sarjana). University of Malaya, Kuala Lumpur.
- Hazlina Abdul Halim. (2011). *Pengaruh bahasa Melayu dalam strategi komunikasi penulisan bahasa Perancis* (Tesis Ijazah Doktor Falsafah). Selangor: Universiti Putra Malaysia, Selangor.

- Kaiser, I., Peyer, E., & Berthele, R. (2014). *Does different mean difficult? Contrastivity and foreign language reading: Some data on reading in German*. *International Journal of Bilingualism*, 18(3), 222-243.
- Lekova, B. (2010). *Language interference and methods of its overcoming in foreign language teaching*. *Trakia Journal of Sciences*, 8(3), 320-324.
- Maslida Yusof (2006). *Struktur leksikal dalam sintaksis dan semantik: Kajian terhadap kata kerja dan preposisi bahasa Melayu* (Tesis PHD). Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi.
- Nik Safiah Karim, Farid M. Onn, Hashim Haji Muda & Abdul Hamid Mahmood. (2010). *Tatabahasa Dewan Edisi Ketiga*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Norsimah, M., Nadzrah, A., & Nor Hashimah, J. (2012). *Pembelajaran bahasa Melayu sebagai bahasa kedua: Pengungkapan idea dalam penulisan pelajar sekolah menengah di Malaysia*. *Jurnal Melayu*, 9(3), 227-240.
- Raja Rosila Raja Berahim (2013). *Kajian perhubungan makna sinonim kata kerja bahasa Jerman* (Tesis Sarjana), University of Malaya, Kuala Lumpur.
- Rankin, T. (2011). *The transfer of V2: Inversion and negation in German and Dutch learners of English*. *International Journal of Bilingualism*, 16(1), 139-158.
- Robe'ah Yusuf. (2010). Analisis kesilapan dalam konjugasi kata kerja regular dan irregular bahasa Jerman di kalangan pelajar Universiti Pendidikan Sultan Idris. Geran Penyelidikan Universiti.
- Robe'ah Yusuf, Khairul Bahri Abd Samad, Norjietta Julita Taisin & Zarima Mohd Zakaria (2019). *Instrument construction for analyzing errors of German language writing by the students of Universiti Pendidikan Sultan Idris*. *Prosiding Seminar Internasional Prosiding Dalam Rangka Kegiatan Studi Visit 2019*. 59-68.
- Rowinah Jakiwa. (2012). *Gaya pembelajaran pelajar diploma dalam mempelajari bahasa Jerman*. Kuala Lumpur: Universiti Malaya.
- Wan Lin Tsai. (2015). English interferences in German sentences. *Linguistics and Literature Studies*, 3(6), 278-283.

Tan, W. T & Nicole Ogasa. (2015). Mandarin Chinese and English transfer during German language acquisition examples of structural properties transfer. *International Journal of Liberal Arts and Social Science*, 3(5), 95-106.

Volmert, Johannes. 1999. *Grundkurs Sprachwissenschaft*. München: WilhelmFink Verlag.